



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG (PPP)

DEFINISI PREMIS PENGINAPAN

Mana-mana bangunan, termasuk asrama, hotel, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat, rumah pemalaman dan struktur lain sama ada kekal atau sementara, yang dikemukakan oleh tuan punya, pemunya atau pengurusnya, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, sebagai menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur kepada pelancong untuk disewa atau dengan balasan apa-apa bentuk ganjaran yang lain, sama ada makanan atau minuman juga disediakan atau tidak. (Seksyen 2, Akta Industri Pelancongan 1992) [Akta 482].

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a. Premis mesti:
 - i. Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
 - ii. Berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sekiranya adalah Koperasi; atau
 - iii. Mengemukakan Surat Pengesahan Akaun Milik sekiranya pemohon adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Agensi Kerajaan.
- b. Premis hendaklah mempunyai Lesen Perniagaan/Lesen Operasi berkaitan dengan **penginapan pelancongan** daripada PBT ATAU pihak berkuasa seperti Agensi Kerajaan Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri; **dan**

- c. Premis mesti menawarkan tempat penginapan pemalaman atau tempat tidur dan struktur lain sama ada kekal atau sementara yang selamat kepada pelancong bagi tujuan penginapan.

2. **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

- a. Premis mestilah mengemukakan salinan dokumen berikut:
 - i. Salinan e-Info SSM yang terkini (Pembelian e-Info SSM melalui sistem TOURLIST); **atau**
 - ii. Sijil Pendaftaran Koperasi di bawah SKM; **atau**
 - iii. Surat Pengesahan Akuan Milik perlu dikemukakan bagi pemohon daripada PBT/Agensi Kerajaan.
- b. Salinan Lesen Perniagaan/Lesen Operasi yang berkaitan dengan penginapan pelancongan daripada PBT **ATAU** pihak berkuasa seperti Agensi Kerajaan Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri; **dan**
- c. Lain-lain dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Pelancongan bagi tujuan memproses permohonan pendaftaran dari semasa ke semasa (nama premis, gambar fasad bangunan, jenis bilik penginapan dan fasiliti yang disediakan).

3. **TATACARA PERMOHONAN**

- a. Melengkapkan maklumat Borang Permohonan Pendaftaran PPP di dalam sistem TOURLIST; **dan**
- b. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di para 2 dan Borang Permohonan Pendaftaran PPP hendaklah dimuat naik ke dalam sistem TOURLIST.

4. **FI YANG PERLU DIBAYAR**

- a. Fi memproses sebanyak RM20.00 dan fi pendaftaran sebanyak RM50.00 (pembayaran adalah dilakukan selepas mendapat kelulusan permohonan pendaftaran); **dan**
- b. Pembayaran adalah secara dalam talian bagi setiap permohonan melalui sistem TOURLIST.

5. **SIJIL PENDAFTARAN**

- a. Sijil pendaftaran hanya boleh dicetak setelah fi pendaftaran dijelaskan;
- b. Sijil dicetak atas nama premis dan alamat. (Penggunaan nama premis dengan menggunakan perkataan 'melancong', 'pelancongan', 'pengembaraan' atau 'pengendali pelancongan' dan seumpamanya adalah dilarang); **dan**
- c. Penggunaan nama premis dengan menggunakan 'butik' adalah tidak dibenarkan sama sekali memandangkan ianya merupakan salah satu (1) kategori penggredan PPP di bawah MOTAC.

6. **PERTUKARAN PEMILIK/PENGUSAHA PREMIS DAN NAMA PREMIS**

- a. Premis perlu membuat permohonan pendaftaran baharu melalui sistem TOURLIST; **dan**
- b. Fi bagi permohonan pendaftaran baharu adalah sebanyak RM70.00 (Fi memproses sebanyak RM20.00 dan fi pendaftaran sebanyak RM50.00) dan pembayaran adalah secara dalam talian melalui sistem TOURLIST.

7. KEHILANGAN SIJIL PENDAFTARAN

- a. Premis perlu mengemukakan surat rasmi berserta dengan justifikasi bagi tujuan pengeluaran sijil gantian melalui sistem TOURLIST; **dan**
- b. Fi penggantian sijil pendaftaran adalah sebanyak RM50.00 dan pembayaran adalah secara dalam talian melalui sistem TOURLIST.

8. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

- a. Di peringkat Pejabat MOTAC Negeri:
Tujuh (7) hari bekerja apabila permohonan lengkap diterima daripada pemohon dan dihantar ke Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya melalui sistem TOURLIST.
- b. Di peringkat Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya:
Sijil Pendaftaran dikeluarkan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** setelah permohonan diterima daripada Pejabat MOTAC Negeri melalui sistem TOURLIST.

9. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2025**.

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya